

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 10 April 2016 17:07
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: JENAN ANTARA SEKOLAH TERHEBAT MERIAHKAN DISCOVER UUM



10 APRIL 2016 / 02 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

JENAN ANTARA SEKOLAH TERHEBAT MERIAHKAN DISCOVER UUM



ANJUNG TAMU ONLINE: Pengawas Pusat Sumber Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH) Jitra antara sekolah hebat di Malaysia tentu sekali menitikberatkan ilmu tanpa had supaya dapat melahirkan pemimpin yang tersohor di kalangan pelajarannya.

Terkenal dengan panggilan sekolah JENAN, kehadiran pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) seramai 31 orang telah memberi sinar pagi yang penuh kebanggaan di Welcome Centre. Umum menyedari, ramai pemimpin yang berintegriti, berwawasan dan berjasa kepada negara telah dididik dari Jenan.

Menurut Guru Perpustakaan & Media SMSAH, Maziah Abdul Ghani, “pelajar memerlukan inspirasi supaya menambah pengetahuan mengenai universiti pengurusan sebagai pilihan”.

“Sangat baik”, “Mengujakan pelajar dan telah memberi inspirasi”, katanya lagi ketika maklumat tentang UUM disampaikan sebagai pengenalan kepada UUM. Malah, mereka turut menyatakan hasrat untuk meninjau fasiliti yang disediakan oleh Perpustakaan Sultanah Bahiyah.

Sebelum meninggalkan Welcome Centre untuk Discover UUM, beliau memberi pesanan kepada UUM, iaitu, “teruskan memberi input yang baik kepada dunia luar”.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

